

01 NOV 2003

Samsudin-Abdullah/I

KSN: ABDULLAH AKAN TERUS MENUMPUKAN PERHATIAN MENGENAI PEMBANGUNAN

Oleh: Santha Oorjitham

PUTRAJAYA, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri kelima Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan terus menumpukan perhatian terhadap pembangunan fizikal negara, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Ketua perkhidmatan awam itu yang telah mengenali Abdullah sejak mereka mereka mula berkhidmat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Rumah Persekutuan di Kuala Lumpur.

"Pembangunan merupakan agenda utama beliau," kata Samsudin, sebagai pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Daya Saing Negara, Abdullah ditugaskan bagi memastikan negara kekal dalam berdaya saing.

Dan sebagai pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Perkhidmatan Awam, Abdullah akan terus "menumpukan aspek moral dan etika pembangunan, bagi keperluan kakitangan awam untuk mendukung tahap keutuhan yang paling tinggi," kata beliau kepada Bernama di sini.

Datuk Abdullah, Sheikh Abdullah Fahim yang dikenali sebagai seorang ulama dan guru Quran sementara ayah beliau, Datuk Haji Ahmad Badawi, berkhidmat sebagai timbalan ketua pemuda UMNO.

Abdullah sendiri belajar di sebuah sekolah menengah agama, Daeratul Maarif ai-Wataniah dan memperolehi ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Islam dari Universiti Malaya.

Samsudin menganggap latar belakang keluarga dan pendidikan Perdana Menteri baru telah memberikan kesan.

"Ini dapat dilihat semasa beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri. Nilai-nilai agama ditunjukkan melalui keputusan, pandangan dan pendekatan beliau."

"Ramai mendapati beliau lebih mesra," kata Setiausaha kepada Kabinet itu, "seorang yang sentiasa tersenyum dan sedia mendengar. Saya fikir beliau suka kepada sesuatu yang dibuat secara konsensus."

Apabila Samsudin berkhidmat dengan JPA sebagai penolong setiausaha pada April 1969, Abdullah telah bertugas di jabatan itu sebagai penolong setiausaha sejak 1964.

Pegawai baru itu melihat pegawai atasannya itu: "Beliau seorang yang begitu bijak dan pandai bercakap, penyertaan pada mesyuarat yang sangat baik dan bersedia memberikan pandangannya."

Samsudin masih ingat lagi bahawa Abdullah berani menyuarakan pandangan beliau walaupun pada ketika itu Pengarah Penubuhan, Allahyarham Samad Yim "tidak begitu gembira" dengan pandangan mereka yang berlainan.

Mereka bertemu lagi pada 1982 apabila Abdullah sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Samsudin ialah ketua Kewangan dan Akaun Pengurusan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Sebagai Perdana Menteri baru, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kini bergelar Tun) telah memperkenalkan Dasar Pandang Ke-Timur, Penerapan Nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam, pasukan memperbaiki mutu kerja, Kawalan Mutu Kerja, tanda nama dan kad perakam waktu untuk kakitangan awam.

"Datuk Seri Abdullah ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk perkhidmatan awam," kata Samsudin.

"Sebagai seorang dari perkhidmatan awam, beliau mempunyai banyak idea dan cara-cara memperbaiki, memodenkan dan menjadikan sesuatu itu lebih mudah. Beliau bertanggungjawab memastikan idea itu dilaksanakan. INTAN dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menjadi agen untuk menyelaraskan pelaksanaan dasar yang berkaitan dengan

perkhidmatan awam," kata beliau.

Agensi bayar bil setempat ialah salah satu idea Abdullah, kata Samsudin.

Sebelum itu, orang ramai terpaksa membayar bil elektrik, air, telefon dan bil-bil lain daripada pihak berkuasa negeri di cawangan lain.

Abdullah mencadangkan semua penyedia perkhidmatan menerima pembayaran bagi bil lain.

"Ini sangat ketara kerana ia menyediakan satu contoh pemikiran dan melakukannya berlainan, bagi memperolehi kecekapan dan keberkesanan dalam perkhidmatan awam bagi memudahkan lagi orang ramai." kata Samsudin, yang mengetuai pasukan petugas mengenai pelaksanaan program itu.

Zaman awal Abdullah dalam perkhidmatan awam menyediakan satu imbasan yang mencorakkan beliau akan menjadi seorang pemimpin.

Beliau yang memangku jawatan sebagai Perdana Menteri tahun lepas, apabila Dr Mahathir bercuti, menunjukkan beliau akan menjadi "seorang Perdana Menteri yang akan melaksanakan tugasnya," kata Samsudin.

-- BERNAMA

SMO AZZ BK